

16/05/1997

PM lawat Clearwater Sanctuary

IPOH, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa kira-kira sejam melawat kawasan persekitaran Clearwater Sanctuary Golf Resort, seluas 300 hektar di Batu Gajah, dekat sini, dalam rangka lawatan seharusnya ke negeri ini.

Beliau yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isterinya, Puan Seri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah, tiba di kelab berkenaan kira-kira jam 9 pagi.

Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai kelab golf itu oleh Pengarah yang juga merangkap Pengurusan Clearwater Sanctuary Golf Resort, Tan Sri Ahmad Azizuddin.

Selain itu, Dr Mahathir turut memberi makan kepada pelbagai jenis ikan yang dipelihara di lapang sasaran kelab serta menyempurnakan upacara menanam pokok berhadapan rumah kelab berkenaan.

Clearwater Sanctuary adalah destinasi pertama yang dilawat oleh Dr Mahathir ke negeri ini, selain merasmikan Loji Janakuasa di Segari, Lumut; melawat Kilang Safire Pharmaceuticals di Seri Iskandar dan Gua Tempurung.

Clearwater Sanctuary yang dibina pada 1994 itu, kini mempunyai padang golf 18 lubang, sepanjang 6,579 meter manakala sembilan lagi lubang sedang dalam peringkat pembinaan menerusi fasa ketiga.

Selain itu, dalam fasa ketiga itu juga, Clearwater Sanctuary juga akan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk akademi tenis, kelab memancing dan kawasan perkelahan. Kawasan bekas lombong itu juga mengandungi tasik seluas 140 hektar.

Di situ, pengunjung juga boleh menikmati udara segar serta melihat pelbagai jenis burung termasuk bangau, helang, puyuh dan burung hantu.

(END)